

## MEMBUDAYAKAN KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU UiTM PAHANG

Che ‘Asniza Osman

*Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang*

Jahjaiton Arsad

*Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat, Universiti Teknologi MARA Pahang*

### ABSTRAK

Sabtu hari di dada akhbar dan di televisyen, sering disiarkan masalah berkaitan dengan orang Melayu: tercicir pelajaran, ketinggalan dalam perniagaan, kurang kepakaran dalam bidang teknologi, tidak cukup makan, tidak cukup wang dan segala-galanya yang menyedihkan. Persoalan ini banyak berkait rapat dengan akar umbi orang Melayu itu sendiri. Contohnya, bagaimana orang Melayu mendidik anak. Sejak zaman ke zaman, ibu bapa selalu berpesan kepada anak-anak supaya belajar sungguh-sungguh, dapat markah dan keputusan yang baik supaya boleh dapat kerja yang baik serta gaji yang lumayan sama ada bekerja dengan kerajaan atau swasta. Pesanan ini seolah-olah menjadi “darah daging” kita masyarakat Melayu. Pendek kata jauh sekali pesanan yang berbunyi “belajar bersungguh-sungguh dapat markah dan keputusan baik, jadilah majikan yang baik dan usaha dapat pendapatan yang lumayan”. Dengan pendekatan ungkapan yang kedua iaitu, “jadilah majikan” itu akan mendorong seseorang untuk melibatkan diri kepada suatu pekerjaan yang akan membentuk peribadi yang lain daripada ungkapan yang pertama. Pendekatan pertama menjerumuskan seseorang kepada pekerjaan yang tidak mencabar seperti “makan gaji” manakala ungkapan kedua boleh menjerumuskan seseorang kepada keusahawanan.

Keusahawanan sekarang menjadi satu bidang yang amat penting khususnya di dalam negara kita yang masih terus berkembang. Keadaan sedemikian mampu menyediakan persekitaran kondusif untuk melahirkan peluang baru kepada masyarakat.

### PENGENALAN

Penulis merasakan sebagai ahli akademik, pendidik, golongan cendekiawan, ibu-bapa, orang lama atau apa saja yang boleh dipanggil generasi ‘senior’ ini, mempunyai satu tanggungjawab untuk mengasuh anak-anak muda kita melakukan satu anjakan paradigma minda. Cara mendidik, mengasuh dan cara berfikir generasi muda ini perlu berubah kepada “belajar sungguh-sungguh, dapat markah dan dapat keputusan yang baik, untuk membolehkan mereka menjadi majikan dan mendapat gaji lumayan”.

Inilah ungkapan yang tidak pernah didengar atau disebut oleh nenek moyang kita sejak dulu sehingga ibu bapa moden yang telah celik IT (Information Technology). Jika ungkapan ini dinasihati dan diamalkan sejak dulu lagi, pasti lebih ramai lagi orang-orang Melayu yang berjaya dalam bidang keusahawanan.

Perubahan global menyebabkan keadaan persekitaran turut berubah, cara pengasuhan pun perlu berubah. Kita wajar menggalakkan anak-anak yang lulus ijazah atau diploma untuk bekerja sendiri atau memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Bila dikatakan anak-anak, sebagai pendidik, kita juga harus menyokong pelajar-pelajar berbuat demikian. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita memerlukan lebih ramai usahawan. Inilah masanya kita membentuk anak-anak muda kita ke arah itu.

Menurut Rostow (1971) dalam Nor Aishah Buang (2002), usahawan dianggap sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat dan negara. Manakala menurut istilah ekonomi, usahawan itu disifatkan sebagai individu yang menggabungkan dan menggunakan faktor-faktor pengeluaran seperti tanah, buruh dan modal untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan. Bahkan, lebih dari itu usahawan juga adalah individu yang sanggup memikul tanggungjawab, bersedia mengambil risiko, menggiatkan inovasi, memiliki daya kreativiti dan inisiatif, berpandangan jauh serta mempunyai wawasan jangka panjang untuk mencipta kejayaan bagi dirinya dan juga masyarakat.

Sifat yang dimiliki para usahawan adalah berbeza dengan pekerja, penjawat awam atau warga korporat yang menerima gaji yang tetap. Persoalan sama ada sifat ini semula jadi atau terbit daripada persekitaran adalah amat sukar untuk diperkatakan. Walaupun begitu, keperibadian seseorang itu boleh diperbaiki dan diperkembangkan melalui latihan, pengalaman dan pendedahan sehingga boleh memiliki sifat keusahawanan.

Di Malaysia, budaya keusahawanan ini bertambah kritikal lagi di kala Malaysia hendak menuju ke status negara maju pada tahun 2020. Berbagai saranan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya keusahawanan. Walau bagaimanapun tahap usahawan Bumiputera yang melibatkan diri masih di peringkat yang tidak memuaskan (Utusan Malaysia, 08/09/2005).

Istilah “membudayakan” lebih bermaksud kepada menjadikan sesuatu sebagai amalan. Inilah yang perlu diterap ke dalam masyarakat kita yang berbangsa Melayu. Pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar akan membolehkan pemikiran, sikap dan mentaliti yang kukuh dan betul mengenai pentingnya kewujudan usahawan di dalam diri mereka, seterusnya sebagai kelompok masyarakat yang berjaya. Langkah pembudayaan ini perlu diambil, bermula dari kalangan pelajar-pelajar kita yang rata-ratanya adalah bumiputera khususnya berbangsa Melayu.

Pembudayaan yang dilakukan pada peringkat awal, bermula dari peringkat sekolah dan seterusnya di peringkat universiti akan dapat menangani masalah-masalah atau isu-isu hangat yang di perbincangkan seperti di bawah.

## ISU-ISU SEMASA

### **1. Dasar Ekonomi Baru tidak kesampaian, Wawasan 2020 bagaimana?**

Keadaan di sekeliling sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Sebagai manusia kita tidak harus hanya berdiam diri, tunggu dan lihat atas apa sahaja yang berlaku di sekeliling kita. Bahang arus perubahan, yang dipengaruhi oleh era globalisasi dan siber maya, semakin deras mengambil alih dunia. Sebagai manusia kita perlu menangani keadaan ini dengan fikiran terbuka. Tidak boleh tidak, kita juga harus melihat perubahan ini sebagai satu peluang yang boleh membawa anjakan paradigma ke atas kehidupan kita. Sekiranya kita lalai atau leka, peluang pasti terlepas di mana keadaan ini akan terus menjadikan kita orang yang ketinggalan.

Kemunduran orang-orang Melayu masih diperdebatkan, seperti Melayu leka, Melayu mudah lupa, tidak tahu berdikari dan bermacam-macam lagi lekehan yang dilemparkan terhadap orang Melayu yang bukan untuk menjatuhkan maruah bangsa Melayu tetapi sebaliknya untuk memberi kesedaran. Perlu diperkatakan juga di sini iaitu ekonomi Melayu turut terjejas. Dasar Ekonomi Baru yang telah diperkenalkan semenjak tahun 1971 masih tidak kesampaian, terutamanya pemilikan ekuiti Melayu dan begitu juga jurang pendapatan antara Melayu dan bukan Melayu (Utusan Malaysia, 22/7/2005)

Mampukah kita generasi yang telah lama makan garam terus berdiam diri, duduk menyimpang kaki dan berpeluk tubuh? Harapan kita pada tahun 2020 ialah untuk menjadi negara yang maju. Pertumbuhan ekonomi nampak gah dan terus meningkat. Tapi siapakah yang sebenarnya berada di belakang tabir yang menggerakkan ekonomi ini? Orang Melayukah? Orang Cina, India atau semua sekali? Petikan dari Muhammad Salleh Majid (2003) ada menyebut bahawa “kalau digunakan ahli professional sebagai ukuran, namakan bidangnya, kita akan dapatkan orang Melayu di belakang”.

Menurut Dr. Noraesah Mohamad pula, “jumlah orang-orang Melayu ialah sebanyak 65% dari keseluruhan penduduk Malaysia. Dari jumlah tersebut, hanya sebilangan kecil yang berjaya mengikut arus pembangunan tetapi jumlah yang besarnya masih ketinggalan” (Mingguan Malaysia, 31/7/ 2005).

### **2. Jumlah pengangguran yang semakin tinggi di kalangan siswazah Melayu.**

Pada awal tahun 2005, Malaysia sekali lagi dikejutkan dengan jumlah pengangguran di kalangan siswazah yang agak tinggi iaitu lebih kurang 18,000 orang (Utusan Malaysia, 27/3/2005). Walaupun mereka bergelar graduan universiti dan kolej, namun mereka gagal mendapatkan sebarang pekerjaan

yang mana akhirnya memaksa mereka menjadi penganggur. Alasannya ialah kerana bidang pengajian tidak memenuhi kehendak pasaran tenaga kerja dan bermacam-macam alasan lain. Tapi apa yang perlu dipersoalkan di sini ialah mengapakah mereka ini harus menganggur? Jika ilmu telah dibekalkan, ditambah pula dengan pendedahan di bidang keusahawanan sewaktu pengajian di universiti, sudah pasti mereka tiada mempunyai masalah untuk berdikari dan memulakan perniagaan sendiri walau sekecil mana sekalipun.

Jika siswazah Melayu yang menganggur ini mampu meneroka bidang keusahawanan bermula secara kecil-kecilan, rasanya isu pengangguran ini dapat dikurangkan dari masa ke semasa.

### **3. Jumlah 120,000 pelajar Melayu yang layak tetapi tercicir dari memasuki IPTA atau IPTS.**

Dalam bulan Jun atau Julai tahun 2005 ini kita dikejutkan lagi tentang pelajar-pelajar Melayu yang tercicir dari memasuki IPTA atau IPTS. Kumpulan ini mempunyai kelayakan yang mencukupi tetapi gagal melanjutkan pengajian ekoran bilangan tempat ke IPTA sangat terhad (Utusan Malaysia, 12/7/2005). Kumpulan pelajar Melayu yang asal usulnya dari keluarga yang senang, berada atau mewah pasti tidak akan menghadapi masalah untuk menghantar anak mereka belajar IPTS dengan menggunakan wang sendiri.

Masalahnya, bagaimana pula nasib pelajar-pelajar Melayu yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah dan susah? Sudah pasti, tanpa bantuan dari pihak kerajaan atau pihak-pihak tertentu yang lain, mereka ini pula akan menganggur. Sekiranya program pendidikan keusahawanan yang disediakan di sekolah-sekolah atau universiti-universiti itu mantap, maka pelajar-pelajar yang tercicir ini tidak akan merasa gentar untuk mengharungi hidup. Pengalaman yang ditimba semasa pengajian di sekolah boleh digunakan terus selepas tamat persekolahan. Mereka boleh memilih alternatif sebagai usahawan untuk sementara waktu atau mungkin untuk selamanya.

Cuba kita saksikan bahawa ramai di antara mereka yang berjaya tidak memiliki pelajaran formal. Tidak perlu sampai ke menara gading. Antara yang terkenal di seluruh dunia ialah Bill Gates. Pendidikan beliau tidak sejaoh mana pun. Beliau mendapat peluang ke Universiti Harvard tetapi menarik diri setelah beberapa ketika kerana ingin merebut peluang yang lebih menjanjikan kejayaan dan kekayaan baginya (Mohamad Ashadi 2003).

Tan Sri Lim Goh Tong datang ke Malaysia sehelai sepinggang, tidak pandai berbahasa Inggeris. Di atas kebijaksaan beliau dalam menguruskan istana perjudian di Genting Highland, beliau telah dianugerahkan "Harvard Manager of the Year" (Salleh Majid 2003).

Semangat ingin berjaya inilah perlu disemai dalam hati nurani anak-anak muda kita. Di samping itu, mereka juga perlu memiliki ilmu-ilmu yang lain seperti berani mengambil risiko, sanggup menggadaikan apa sahaja (yang baik) kerana percayakan diri sendiri, bijak menggunakan wang orang lain (pelabur-pelabur), dapat menghidu peluang dari jauh dan ada ketikanya sanggup melakukan apa sahaja yang baik untuk mendapatkan sesuatu.

Apa pun yang diperkatakan ini perlu bertitik tolak dari institusi keluarga dengan bantuan dan sokongan dari institusi pendidikan. Perubahan mentaliti dan sikap yang mahu menerima pembaharuan adalah perlu. Contohnya, menggalakkan anak-anak jadi majikan dan bukan semata-mata makan gaji.

### **4. Sistem persekolahan kurang menjurus ke arah keusahawanan secara praktikal.**

Pendidikan keusahawanan telah lama diintegrasikan ke dalam program pengajian perniagaan di universiti di dalam negara maupun di luar negara. Walau bagaimanapun mengikut Tucker (1981), siswazah dari fakulti perniagaan lebih cenderung dilatih untuk menjadi pengurus berbanding menjadi usahawan. Kaedah pengajaran pendidikan keusahawanan adalah tersendiri atau unik dan tidak boleh disamakan dengan kaedah pendidikan perniagaan.

Di sekolah, pendidikan keusahawanan hanya dipelajari oleh pelajar tingkatan empat dan lima yang mengikuti jurusan perdagangan. Pendedahan dan pengetahuan cuma diberi penekanan sebanyak 23%

sahaja daripada keseluruhan kandungan mata pelajaran tersebut. Adakah peratusan itu mencukupi? (Nor Aishah Buang 2002).

Teknik pembelajaran untuk keusahawan perlu lebih berbentuk praktikal dan bukan teori sahaja seperti yang diamalkan di mana-mana sistem pendidikan di Malaysia. Praktikal yang dimaksudkan di sini ialah memberi peluang kepada para pelajar untuk mengusahakan keusahawanan untuk secara realiti ketika di dalam pengajian. Di samping mewujudkan semangat keusahawanan, usaha untuk menyemai ciri-ciri keusahawanan di kala usia muda juga amatlah penting. Ini turut disokong oleh kenyataan yang dijelaskan oleh Hatten dan Sheila (1995 dalam Nor Aishah Buang 2002) di mana “pendidikan adalah sesuai jika mula diajar kepada pelajar pada peringkat usia yang muda kerana perubahan sikap terhadap keusahawanan lebih ketara di kalangan pelajar yang lebih muda”.

Pada usia yang muda, mereka masih mampu lagi menghadapi kegagalan beberapa kali. Kegagalan yang dialami boleh memantapkan sikap atau pendirian mereka untuk mengharungi risiko dan merempuh halangan.

Cuba kita renungkan perniagaan orang-orang Cina. Mereka mendidik anak-anak mereka tentang perniagaan sedari kecil. Mereka mengusung anak-anak mereka yang masih kecil ke tempat perniagaan dan adakalanya membentarkan anak-anak mereka mengambil bahagian dalam menjalankan perniagaan. Ini bermaksud bahawa anak-anak mereka telah didedahkan kepada aspek-aspek keusahawanan sedari kecil lagi walaupun bila anak-anak mereka dewasa kelak, mereka tidak semestinya menjadi usahawan. Pendedahan awal ini mampu menyemai dan menanam sifat keusahawanan di mana secara tidak langsung perbuatan ini mencelikkan mata anak-anak mereka bahawa kehidupan mewah itu perlu dilalui dengan kepayahan. Ini membuktikan bahawa di dalam masyarakat Cina, institusi keluarga memainkan peranan yang amat penting.

Ini turut ditegaskan juga oleh Wan Liz Ozman (2002) iaitu “untuk membina masyarakat bumiputera yang berdaya tahan dan mempercepatkan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), amat mustahak bagi kita menekankan peri pentingnya institusi keluarga dijadikan sebagai asas atau landasan bagi mencapai matlamat tersebut. Oleh kerana itu, perlu diturunkan ilmu perniagaan, pendedahan dan latihan praktikal kepada anak-anak.

Persoalanannya mana mungkin kita lakukan jika kita sendiri sebagai orang Melayu tidak memiliki sebarang perniagaan yang boleh dijadikan sebagai tapak untuk anak-anak kita belajar dan mempraktikkan ilmu keusahawanan dan perniagaan.

Secara keseluruhannya kesemua isu-isu yang telah dibincang di atas secara langsung atau tidak langsung melibatkan pelajar-pelajar UiTM yang rata-rata berbangsa Melayu.

## CADANGAN

Golongan usahawan muda ini adalah pemangkin dan pemacu terpenting dalam proses pembangunan nasional. Golongan lama tidak akan selama-lamanya menjadi tunggak negara. Sekiranya tidak ada apa-apa yang dilakukan untuk membantu golongan muda ini, kemunduran akan terus berlaku di kalangan orang-orang Melayu.

Meskipun kami bukan pakar dalam keusahawanan, namun kami benar-benar yakin bahawa cetusan idea dan pendapat dari kami ini dapat membantu pihak-pihak tertentu yang serius lagi komited dalam melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Apa yang penting ialah kesedaran di peringkat awal. Justeru itu, kami ingin memberi beberapa cadangan seperti di bawah:

### **1. Tubuhkan Kelab Usahawan Pelajar UiTM Pahang**

Satu kelab atas nama Kelab Usahawan Pelajar perlu ditubuhkan segera. Kelab ini terbuka (secara sukarela) kepada semua pelajar-pelajar UiTM Pahang (semua fakulti) dan ia boleh ditubuhkan mengikut fakulti masing-masing. Kelab ini perlu mempunyai aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara berterusan sepanjang semester berjalan.

Walau bagaimanapun, kelab-kelab ini perlu diletakkan di bawah pengawasan satu badan. Fungsi badan ini perlu diselaraskan dengan aktiviti-aktiviti kelab. Saranan untuk meletakkan Kelab Usahawan Pelajar ini di bawah pengawasan satu badan adalah untuk mewujudkan kesinambungan dalam usaha melengkapkan pelajar-pelajar UiTM Pahang dengan selok belok keusahawanan dan dunia perniagaan yang sebenarnya.

Salah satu contoh yang boleh diberi ialah pelajar-pelajar yang mengambil kursus keusahawanan ini perlu mengubah sikap, iaitu dari semata-mata berfikir untuk lulus peperiksaan sahaja, kepada merealisasikan apa yang telah mereka pelajari menjadi kenyataan.

Selain daripada itu, Rancangan Perniagaan ini juga boleh dikomersialkan kepada pihak-pihak luar yang berminat. Perkara ini boleh dilakukan dengan menjemput pihak-pihak luar untuk sama-sama melihat Rancangan Perniagaan pelajar-pelajar UiTM setelah ianya ditapis oleh pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam kursus keusahawanan ini.

## **2. Wujudkan tabung kelab usahawan pelajar**

Untuk mewujudkan budaya keusahawanan yang berterusan di kalangan pelajar satu perancangan yang mantap perlu dilaksanakan. Salah satu perkara itu ialah dengan menubuhkan dana. Dana diperlukan untuk membiayai aktiviti-aktiviti kelab yang dirancang. Tujuan dana ini ialah untuk memberi bantuan permulaan modal kepada para pengusaha kelab (pelajar).

Berhubung dengan perkara di atas, penulis tidak akan membincangkan dengan lebih lanjut. Walau bagaimanapun, sekiranya cadangan ini diterima, penulis percaya terdapat berbagai-bagai cara yang boleh dilaksanakan untuk mewujudkan dana yang dimaksudkan.

Perkara pokoknya di sini ialah satu badan yang bertanggungjawab untuk menguruskan operasi kelab perlu ditubuhkan. Badan yang ditubuhkan itu perlu menilai terlebih dahulu projek-projek atau aktiviti-aktiviti perniagaan yang ingin dijalankan sama ada memberi pulangan atau sebaliknya, sebelum diluluskan.

## **3. Wujudkan satu kelab usahawan dengan struktur yang mantap**

Satu pelan struktur yang mantap perlu diwujudkan supaya memaparkan keadaan yang sebenar. Carta organisasi merangkumi pelbagai peringkat lapisan iaitu melalui jawatan-jawatan kuasa yang ditubuhkan. Ini boleh membantu usahawan-usahawan agar mempraktikkan juga pengurusan, meningkatkan perhubungan awam dan kemahiran komunikasi yang diperlukan di dalam perniagaan.

## **4. Rancang dan jalankan aktiviti-aktiviti yang mempunyai kaitan keusahawanan yang berterusan**

Aktiviti-aktivi yang berkesan perlu dijalankan dari masa ke semasa supaya budaya keusahawanan ini berkesinambungan. Aktiviti-aktiviti juga seelok-eloknya melibatkan penyertaan organisasi dalaman dan juga organisasi luaran.

Kita sentiasa mendengar dan juga menasihati para pelajar supaya bersifat proaktif dalam apa bidang sekalipun. Kami fikir ini adalah suatu masa yang amat bersesuaian untuk kita memainkan peranan membentuk pemikiran pelajar-pelajar supaya lebih berinovatif, kreatif dan penerima risiko terutamanya di dalam bidang keusahawanan.

Aktiviti-aktiviti boleh diperolehi dalam pelbagai bentuk. Apa yang kami luahkan adalah sebahagian dari apa yang kami fikirkan. Jika dapat kita usahakan bersama cadangan ini, mungkin lebih banyak lagi ide-ide lain yang lebih bernes dan efektif dapat dikemukakan. Sebahagian daripada cadangan kami merangkumi:

**a. Galakkan pelajar berfikiran kreatif bagi melahirkan yang inovatif**

Memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk melahirkan idea-idea baru dalam keusahawanan berdasarkan keadaan ada di persekitaran. Contohnya, seringkali kita didatangi oleh pelajar-pelajar dari bahagian peladangan untuk menjual sayur-sayuran atau buah-buahan dari ladang. Ini adalah satu daya usaha yang baik. Persoalannya, adakah semua sayur-sayuran dan buah-buahan ini terjual? Jadi perkara inilah yang perlu difikirkan oleh para pelajar. Sekiranya pelajar sangat kreatif mereka boleh mencetuskan idea dalam menghasilkan suatu produk baru dari hasil sayuran atau buah-buahan tadi.

**b. Wujudkan satu hari dalam sebulan untuk aktiviti usahawan**

Kelab Usahawan Pelajar ini dengan bimbingan satu badan perlu mengatur dan menjalankan aktiviti yang berbentuk keusahawanan di kampus sekurang-kurangnya satu kali dalam sebulan. Aktiviti boleh dijalankan secara bergilir-gilir mengikut fakulti.

**c. Bina jaringan dengan para pengusaha**

Lebih menarik lagi sekiranya anggota kelab-kelab usahawan ini mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha yang telah berjaya. Usahawan yang berjaya boleh dijemput sebulan sekali untuk duduk berbincang dan menceritakan pengalaman agar dapat dikongsi bersama dengan pelajar-pelajar yang baru hendak berjinak-jinak untuk bermula.

**d. Galakkan pelajar untuk turut serta di dalam aktiviti perniagaan.**

Badan yang ditubuhkan untuk memantau harus memberi galakan kepada ahli-ahli kelab usahawan untuk mengambil bahagian apa jua aktiviti jualan/perniagaan yang dianjurkan oleh UiTM Pahang. Contohnya Kristal, Hari Pendaftaran Pelajar dan berbagai-bagai lagi. Maksudnya di sini usahawan muda ini perlu sentiasa diberi peluang dan terlibat sama dalam kegiatan usahawan.

**e. Anjurkan seminar**

Seminar-seminar dan kursus-kursus seperti kursus motivasi, kursus pengurusan kewangan, kursus operasi, kursus pemasaran, dan kursus lain yang berkaitan perlulah diadakan secara berterusan. Seminar secara berterusan dapat menggalakkan ahli-ahli baru untuk berdaftar di bawah Kelab Keusahawanan.

Adalah lebih efektif sekiranya pengusaha-pengusaha, badan-badan atau agensi-agensi kerajaan dijemput untuk memberi ceramah bagi memberitahu maklumat terkini tentang perkembangan perniagaan yang sentiasa berubah-ubah.

## **PENUTUP**

Peningkatan penglibatan bangsa Melayu di dalam bidang keusahawanan adalah amat diharapkan supaya dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka, sekaligus memperbaiki keadaan ketidakseimbangan ekonomi negara. Namun, tidak semua usahawan Melayu masih mempunyai keyakinan untuk mencapai kejayaan di dalam bidang ini. Kebanyakannya masih bergantung kepada bantuan kerajaan. Maka, kini menjadi tanggungjawab kita sebagai ibu bapa atau para akademik supaya memulakan perubahan sikap dan berperanan proaktif memberi galakan kepada anak-anak didik supaya bersedia melengkapkan diri dengan keyakinan diri yang tinggi, berinovasi dan sanggup bekerja tekun untuk mencapai kejayaan di dalam keusahawanan. Asuhan ini perlu dilakukan ketika mereka dalam usia muda kerana kegagalan yang mereka hadapi di kala awal usia dapat meningkatkan daya ketahanan diri daripada mudah berputus asa. Pengalaman yang dialami ketika usia muda boleh mengutuhkan semangat juang.

Ingin ditekankan juga bahawa pembentukan golongan usahawan melalui pendidikan adalah sangat perlu. Ashmore (1987 dalam Nor Aishah Buang 2002) menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan harus dilihat sebagai satu proses sepanjang hayat. Secara ringkasnya, untuk mengintegrasikan pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan negara perlu dilaksanakan di kalangan generasi muda, khususnya anak-anak Melayu. Oleh kerana itu, membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar Melayu di UiTM Pahang adalah satu langkah awal untuk menghasilkan graduan yang berinovatif.

Sebagai seorang Islam perlulah juga kita renungkan juga Hadis Rasullullah s.a.w : “ Adalah dikehendaki ke atas kami perniagaan kerana padanya 9/10 daripada rezeki” (Imam Al-Ghazali 1957).

## RUJUKAN

- Anonymous. (2005, Mac 27). 80,000 siswazah menggangur tidak benar. *Utusan Malaysia*.
- Anonymous. (2005, Julai 12). 120,000 tercicir ke IPTA-Pelajar Melayu tidak dapat teruskan pengajian walaupun cukup syarat. *Utusan Malaysia*.
- Anonymous. (2005, Julai 22). Agenda Nasional Baru-Pemuda UMNO mahu kerajaan saksamakan jurang Melayu dan Kaum lain menjelang 2020. *Utusan Malaysia*.
- Anonymous. (2005, September 8). Pembudayaan Keusahawanan didik Bumiputera berdaya saing. *Utusan Malaysia*.
- Ebert, R. and Griffin, R. (2005). *Business Essentials*. Prentice Hall.
- Imam Al-Ghazali. (1957). *Kitab Ihya Ulumuddin*. Juzuk 2, Ayat 64).
- Kiyosaki, R.T. (2001). *Rich Dad, Poor Dad*. Warner Business Books Mahathir Mohamad. (2001). *Malays Forget Easily*. Pelanduk Publications.
- Mohamad Ashadi Mohd Zaini. (2003). *Lima Puluh Ide Usahawan*. PTS Public & Distribution S/Bhd.
- Muhamad Salleh Majid. (2003). *Budaya Usahawan*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nor Aishah Buang. (2002). *Asas Keusahawanan*. Siri Pengurusan Fajar Bakti.
- Noraesah Mohamad. (2005, Julai 31). Antara Dua Semangat. *Mingguan Malaysia*.
- Sodri Ariffin & Ahmad Shafee Sabaruddin. (2002). *Keusahawanan: Rahsia Ke Puncak Kejayaan*. Prentice Hall.
- Trump, D. (2004). *How to Be Rich*. The Random House Publishing Group.
- Wan Liz Osman Wan Omar dan Sulzari Mohamed. (2002). *Memperkasakan Usahawan*. Siri Pengurusan dan Perniagaan Utusan.
- Yep Putih (1985). *Keusahawanan*. Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.